


WARTA



NUKLEAR MALAYSIA

Percuma

Jilid 11 Bil 2 : Mei - Ogos 2018 ; ISSN: 1985-3866



Keluaran khas sempena



#NEGARAKUBERINOVASI

**MINGGU SAINS
NEGARA 2018**

Sejarah

Peranan

Sejarah agensi bermula pada 11 November 1971 apabila satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) ditubuhkan, bagi mengkaji kemungkinan Malaysia mencebur bidang teknologi nuklear. Usul ini telah diterima dan diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 1972 yang menyokong cadangan terhadap keperluan Malaysia menubuhkan pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear. Pada Ogos 1973, Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara mencadangkan untuk menamakan pusat ini sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dan telah diiktiraf sebagai pusat kebangsaan.

PUSPATI telah diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE). Tahun 1983 merupakan detik penting bagi agensi apabila diberikan identiti baru iaitu Unit Tenaga Nuklear (UTN). Serentak dengan itu, UTN telah dipindahkan dari MOSTE ke Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini memberi impak yang besar kepada peranan agensi kerana buat pertama kalinya aktiviti nuklear yang melibatkan perancangan polisi negara dan kegiatan operasi nuklear disatukan di bawah naungan JPM. Namun pada 27 Oktober 1990, UTN telah dipindahkan semula ke MOSTE. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Ogos 1994, telah meluluskan pertukaran nama UTN kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT).

Logo baru juga telah diperkenalkan pada 22 Oktober 2009 ketika Hari Pelanggan MINT, yang juga julung kali diadakan. Bagi memberi arah hala yang lebih jelas, isi MINT diperkemas kepada mempertingkat pembangunan dan daya saing ekonomi negara melalui kecemerlangan dalam teknologi nuklear. Pada 13 April 2005 sekali lagi agensi mengalami perubahan entiti apabila digazet dengan nama baru iaitu Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Kini Nuklear Malaysia terus melebarkan sayap dalam mengembangkan R, D & C bagi menyokong aspirasi negara.

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana Bahagian Penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Agensi Nuklear Malaysia.

Agenzia Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Nuklear Malaysia juga adalah agensi peneraju penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi nuklear bagi pembangunan sosioekonomi negara. Semenjak penubuhannya,

Nuklear Malaysia telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk memperkenal dan mempromosi sains dan teknologi nuklear kepada masyarakat, sekaligus menyemai minat dan menyedarkan orang awam akan kepentingan teknologi nuklear dalam kehidupan. Hingga ke hari ini, Nuklear Malaysia kekal penting sebagai sebuah organisasi yang mantap dalam bidang saintifik, teknologi dan inovasi.

Pencapaian cemerlang Nuklear Malaysia adalah bersandarkan pengalaman 46 tahun dalam pelbagai pembangunan S&T nuklear, serta 36 tahun dalam pengendalian reaktor penyelidikan yang bebas kemalangan radiologi dan bersih alam sekitar. Selain itu, hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran sebagai usaha memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi Malaysia. Nuklear Malaysia juga sentiasa memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dan bertaraf antarabangsa dalam kelasnya. Kemampuan ini adalah berdasarkan latihan dan disiplin tenaga kerja profesional, infrastruktur, kejuruteraan serta makmal penyelidikan yang lengkap.

Posisi Nuklear Malaysia sebagai pusat penyelidikan unggul telah diiktiraf dan dicontohi oleh agensi-agensi nuklear dari negara-negara jiran, malahan dijadikan model dalam merangka pelan pelaksanaan pembangunan S&T nuklear masing-masing, terutamanya aspek pemindahan dan pengkomersialan teknologi.



Tinta KETUA PENGARAH

Minggu Sains Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) julung kali diadakan pada tahun 2018. Minggu pertama April adalah sambutan yang diadakan di seluruh negara. Program seumpama ini selari dengan sambutan World Science Day yang dianjurkan oleh United Nations Organization for Education, Science and Culture (UNESCO) sejak 2002. Nuklear Malaysia telah diberi mandat oleh MOSTI bagi mengelolakan Minggu Sains Negara bagi peringkat Negeri Sembilan. Semoga program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Dr. Abdul Muin Abdul Rahman

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal)
Memangku Ketua Pengarah
Agenzia Nuklear Malaysia



Dari MEJA EDITOR

Mandat yang diberikan oleh MOSTI telah digalas dengan penuh tanggungjawab oleh Nuklear Malaysia dalam menjayakan Minggu Sains Negara peringkat Negeri Sembilan. Pelbagai aktiviti telah direncana dengan kerjasama daripada pelbagai agensi seperti Kementerian Pendidikan Negeri (Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan), InnoBio Ventures, MajalahSains.Com dan Stesyen NEGERI fm. Ini bagi memastikan penganjuran Minggu Sains Negara dapat berlangsung dengan sempurna sepanjang 1 hingga 7 April 2018. Perasmian MSN peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 1 April 2018 bertempat di Mydin Mall, Seremban 2 dan disempurnakan oleh Timbalan Menteri MOSTI, YBhg. Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Habibah Adnan

Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat

Editorial

Penaung
Dr. Abdul Muin Abdul Rahman

Editor kanan
Habibah binti Adnan

Editor
Normazlin binti Ismail

Penyelaras
Nor Azlina binti Nordin

Penulis
Nor Azlina Nordin

Normazlin Ismail
Nasaii Masngut
Haizum Ruzanna Sahar
Norazlina Noordin

Pereka Grafik
Norhidayah binti Jait

Jurufoto
Nor Hasimah binti Hashim

Diterbitkan oleh:
Unit Penerbitan
Bahagian Pengurusan Maklumat
Agenzia Nuklear Malaysia
Bangi, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Isi Kandungan

Tinta Ketua Pengarah
Dari Meja Editor **1**

FOKUS: Apa itu Minggu Sains Negara? **2**

AKTIVITI MSN: Peringkat Negeri Sembilan **16**

BERITA RTM:
Minggu Sains Negara **4**

MAJALAH SAINS.COM :
Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sembilan

BICARA FOTO:
DARI LENSA KAMERA
Minggu Sains Negara

6

22

MINGGU SAINS NEGARA

Apakah itu Minggu Sains Negara?



Sasaran



Atur Cara



Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan sains dan merapatkan jurang antara sains dan masyarakat dengan menampilkan pelbagai program berdasarkan sains yang menarik dan interaktif. Penganjuran program ini adalah selari dengan sambutan *World Science Day* yang dianjurkan oleh *United Nations Organization for Education, Science and Culture (UNESCO)* semenjak tahun 2002. Program seumpama ini turut diamalkan di beberapa buah negara seperti Afrika Selatan, Republik Rakyat China, Kanada, Norway dan United Kingdom. Manakala negara seperti India dan Thailand memperuntukkan satu hari sahaja bagi sambutan hari sains.

Pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar (sekolah/siswazah pusat pengajian tinggi), pendidik, saintis, belia, sektor awam, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Mengapakah Minggu Sains Negara di sambut di seluruh negara?



Minggu Sains Negara diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan kepentingan STI (Sains, Teknologi dan Inovasi) kepada semua lapisan rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, program ini akan meningkatkan pembangunan modal insan dan menarik minat pelajar untuk memilih bidang dan jurusan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) sebagai kerjaya serta mengiktiraf sumbangan saintis, ahli akademik serta individu dalam mempromosikan sains. Program ini juga diharap mampu memberi kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya STI dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju.

Selain itu, program ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu aktiviti dan pendekatan strategik dalam usaha meningkatkan minat para pelajar terhadap STEM. Program ini juga diharapkan dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk mencapai Dasar 60:40 iaitu 60 peratus pelajar memilih aliran sains dan teknikal berbanding 40 peratus pelajar sastera. Dasar ini berperanan bagi menyediakan modal insan berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam bidang STEM yang mencukupi pada masa hadapan.

Signature Programmes

1 SCIENCE CORNER	4 DEMONSTRASI NUKLEAR
Half Life Simulation Aktiviti eksperimen bagi meneliti masa yang diperlukan untuk keaktifan sesetua bahan radioaktif menjadi separuh daripada keaktifan awalnya.	Pengukuran NIR Telefon Bimbit Mengukur sinaran tidak mengion dari telefon bimbit
2 SCIENTIST ON BOARD	5 WACANA SAINS
Nuclear Puzzle Melengkapi puzzle model reaktor	Teknologi Dalam Industri Demonstrasi aplikasi teknologi nuklear dalam industri berimpak tinggi
Decontamination Mempelajari proses menyihir bahan berzerner radioaktif selepas insiden	Portable Mini Spot Welding Demonstrasi penggunaan POMISPOT
Word Search Carian perkataan yang tersembunyi berkaitan pengetahuan Sains Nuklear	Matter that Matters Demonstri keadaan jirim yang menggunakan cecair nitrogen
ABC	

Atur Cara

MAJLIS PERASMIAN
MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2018

1 APRIL 2018, AHAD
GROUND FLOOR CONCOURSE, MYDIN SEREMBAN 2,

MASA	PERKARA
9.45 pagi	Ketibaan Para Jemputan
10.15 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
10.30 pagi	Ketibaan YB Dato' Haji Shamshukar Bin Haji Mohd Dali Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Keshihatan
10.50 pagi	Nyanyian Lagu Negara
11.00 pagi	Nyanyian Lagu Kebesaran Negeri Sembilan Persembahan Pembukaan Tarian Kebudayaan
12.30 tengahari	Bacaan Doa
	Ucapan Aluan oleh YBrs. Tuan Pihkruddin bin Hj. Ghazali Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan
	Ucapan Perasmian oleh YB. Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohd Diah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
	Perasmian Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sembilan 2018
	Pelancaran Majalah Sains versi cetak bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
	Sesi Bergambar Lawatan ke Tapak Pameran
	Sidang Media
	Jamuan Tengahari Bersural

PAMERAN, CERAMAH DAN DEMONSTRASI					
TARikh	MASA	BAHAGIAN	AKTIVITI	SASARAN PESERTA	PENCERAMAH / FASILITATOR
01/04/2018 (AHAD)	2.00pm - 4.00pm	BPM	Science Corner (Half Life Simulation, Nuclear Puzzle, Decontamination, Word Search, Info Track)	Pelajar Sekolah Menengah	1. Mohd Hafizal Yusof 2. Nasarie Maengut
	4.00pm - 6.00pm	BKS	Radio Frequency (RF) radiation safety assessment	Terbuka	1. Shamsiah Raj A/L Parham 2. Mohd Azril bin Jali
	9.00am - 10.00am	BPM	Pertandingan Memerluka (4-6 Tahun)	Sekolah Rendah/Terbuka	1. Halizum Razmane Suhar 2. Nasarie Maengut
	10.00am - 11.00am	BST	Portable Mini Spot Welding	Terbuka	Mohd Azhar bin Ahmad Mohd Fazl bin Mohd Zin
	11.00am - 11.30am	BAS	Bual Santai Bersama Ikon Saintis	Pelajar Sekolah IPT	Dr. Chantara Thewy A/P Ratnam
	11.30am - 12.30pm	BTP	Wacana Aplikasi Teknologi Nuklear Dalam Perubatan	Terbuka	1. Dr. Mohd Rodzi B. Ali 2. Dr. Aznah Bin Kestaman
02/04/2018 (ISINN)	12.30pm - 1.00pm	BTS	Bual Santai Bersama Ikon Saintis	Pelajar Sekolah IPT	Dr. Norashikha Binti Zakaria
	2.00pm - 3.00pm	BPM	Science Corner (Half Life Simulation, Nuclear Puzzle, Decontamination, Word Search, Info Track)	Pelajar Sekolah Menengah	1. Mohd Hafizal Yusof 2. Nasarie Maengut
	3.00pm - 4.00pm	BPM	Matter that matters	Pelajar Sekolah Menengah	1. Mohd Hafizal Yusof 2. Nasarie Maengut
	4.00pm - 5.00pm	WN	Wacana Memperkasakan Wanita	Terbuka	Dr. Siti Khasiat Bt. Hashim
	5.00pm - 5.30pm	BPA	Ceramah Teknologi Nuklear untuk SDG	Terbuka	Dr. Noriah Jamil



MINGGU SAINS NEGARA

BERITA RTM

UTAMA

SEMASA

NASIONAL

EKONOMI

DUNIA

SUKAN

HIBURAN

TEKNOLOGI

BERITA RADIO

[Tweet](#)

0
Like
Share

G+
G+ Share

OO

Hits: 460



Cetak



Emel



KUALA LUMPUR - Bertema "Negaraku Berinovasi" merupakan sambutan Minggu Sains Negara yang buat julung kalinya di sambut di seluruh negara. Sambutan yang disambut hari ini 1 hingga 7 April nanti akan bertujuan bagi menyemarak dan membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) pada pelbagai peringkat serta merapatkan jurang antara sains dan masyarakat.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata pengajuran program itu sejajar dengan Hari Sains Sedunia yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai acara tahunan sejak tahun 2002.

Pemilihan tema tersebut bersesuaian dengan penekanan kepada kepentingan inovasi untuk diperlakukan oleh semua lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian. Pengajurannya diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan kepentingan STI kepada semua lapisan rakyat Malaysia tentang betapa pentingnya STI dalam menjana pertumbuhan ekonomi seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju.

Program tersebut juga diharapkan dapat menarik minat pelajar untuk memilih bidang dan jurusan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai kerjaya serta mengiktiraf sumbangan saintis, ahli akademik serta individu dalam mempromosikan sains. Pelbagai aktiviti menarik dan interaktif akan diadakan di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara Kuala Lumpur. Antaranya *Science Show Marathon, Science Chef in Action, Build a Truck!, Building Block Creativity and Fun with Magnet*.

Di samping itu, 1 "Majlis Pelancaran Robot Serangga Mini Yang Terbanyak" pada 5 April 2018 di Pusat Sains Negara akan dicatat dalam Malaysian Book of Records di bawah kategori Sains dan Teknologi.

Lokasi-lokasi program di negeri-negeri juga menyediakan pelbagai aktiviti kepada para pengunjung antaranya *Alert! Scientist on Board, Sci-Cinema, Sciensation, SAINS KERIANGAN (SCIENCE FUN), Magical Aircraft, Autonomous Car, Robotic Race, Jelajah STI (Negaraku Berinovasi), STI Hopping, STEM Workshop, Jom Teroka ANGKASA, STEM Explorace, TPM Tissue Culture dan IBSE Workshop*.

Bersempena dengan Minggu Sains Negara ini juga, Anugerah Juruteknologi Negara, Anugerah Saintis Muda Negara dan Anugerah Khas STEM yang menawarkan wang tunai antara RM2,000 hingga RM20,000 akan disampaikan. Sertai Minggu Sains Negara dari 1 hingga 7 April 2018 yang akan berlangsung di seluruh negara! Untuk maklumat lebih lanjut sila layari www.mosti.gov.my/minggu-sains-negara.

Sumber :

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/teknologi/13754-minggu-sains-negara-akan-diadakan-dari-1-hingga-7-april-2018>

21-06-2018 11:56:10

[Google Play Store Kini Terima Bayaran Melalui Paysafecard](#) (281) 08-06-2018 09:14:32

[Peluang Penyelidik Wakili Negara Ke Berlin](#) (193) 07-06-2018 12:28:43

[Petrosains Anjur Pameran DinoTrek2 Di Kuching](#) (707) 08-05-2018 00:03:57

[HRDF Latih Pekerja Untuk Hadapi Revolusi Industri Ke 4](#) (327) 01-05-2018 12:35:16

[Perpustakaan Digital Bakal Dibina Di Bagan Datuk](#) (344) 21-04-2018 14:59:02

[Lengkapkan Diri Dengan Kemahiran Teknologi - Datuk Seri Fadillah](#) (272) 21-04-2018 14:36:32

[Aplikasi E-hailing MYCAR Dilancar](#) (583) 04-04-2018 17:49:44

[Minggu Sains Negara](#) (460) 01-04-2018 10:35:46

MINGGU SAINS NEGARA

Peringkat Negeri Sembilan



LAMAN UTAMA SIAPA KAMI F.A.Q KATEGORI PENGIKLANAN SAINS SHOP CAREERS





Penganjuran Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sembilan oleh Agensi Nuklear Malaysia



by Editor

— 03/04/2018 in Berita & Peristiwa

4 0 0 0

Minggu Sains Negara 2018 anjuran **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

telah bermula di seluruh negara mulai 1 sehingga 7 April 2018 di Pusat Sains Negara.

Program ini turut diadakan sepanjang minggu tersebut di seluruh negara

Minggu Sains Negara dengan temanya iaitu 'Negaraku Berinovasi' bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan sains dan merapatkan jurang di antara sains dan masyarakat. Ia turut menampilkan pelbagai program berdasarkan sains dan inovasi yang menarik dan interaktif sepanjang ianya berlangsung.

Penganjuran program ini adalah selari dengan sambutan '**World Science Day**' yang dianjurkan oleh **United Nations Organization for Education, Science and Culture (UNESCO)** semenjak tahun 2002.

Di peringkat Negeri Sembilan, Minggu Sains Negara dirasmikan oleh **Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** bertempat di hypermarket Mydin Mall, Seremban2.

Dalam ucapan perasmian, beliau menegaskan bahawa keperluan pelajar aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah sangat mendesak. Ini kerana pasaran kerja pada masa akan datang adalah berdasarkan bidang ini. Oleh yang demikian, tidak dapat tidak peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang STEM perlu direbut oleh pelajar.

Beliau turut menyatakan bahawa, masyarakat pada hari ini juga sedar bahawa sains adalah sebahagian daripada kehidupan dan anak-anak harus didedahkan di peringkat awal dalam bidang ini. Minggu Sains Negara yang diadakan sepanjang minggu pertama April bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sains dalam kehidupan dan pembangunan negara.

"Secara tidak lansung, usaha menjayakan Minggu Sains Negara dapat membantu inisiatif kerajaan dalam menghasilkan tenaga mahir pekerjaan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang amat diperlukan pada masa akan datang," ujar beliau.

Menjawab soalan wartawan di sidang media, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah menjelaskan bahawa pihaknya telah mengenalpasti 73 jenis pekerjaan baru berdasarkan sains yang bakal wujud pada masa hadapan.

"Para pelajar perlu mengambil peluang ini. Pekerjaan dalam bidang sains ini terjamin kerana inovasi sentiasa bergerak pantas dan teknologi akan menjadi sumber pekerjaan pada masa kini dan akan datang," kata beliau.

Sambutan Minggu Sains Negara peringkat Negeri Sembilan turut menyaksikan majlis pelancaran Majalah Sains pertama versi cetak hasil kerjasama sidang editorial portal **Majalahsains.Com** dan **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**. MajalahSains.Com merupakan sebuah portal pertama di Malaysia yang mengutarakan isu-isu semasa sains dan teknologi dalam Bahasa Melayu.


Minggu Sains Negara peringkat Negeri Sembilan dikelolakan oleh Agensi Nuklear Malaysia. Pelbagai aktiviti dan pameran menarik tentang teknologi dan sains nuklear telah diadakan. Ia bertujuan untuk menarik minat masyarakat terhadap sains dan teknologi berdasarkan nuklear.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Ketua Pengarah Datuk Dr. Mohd Asshar Khalid dan Pengarah Pendidikan Negeri, Tuan Pkharuddin Hj. Ghazali.

[LAMAN UTAMA](#)[SIAPA KAMI](#)[F.A.Q](#)[KATEGORI ▾](#)[PENGIKLANAN](#)[SAINS SHOP ▾](#)[CAREERS ▾](#)

Dari Lensa Kamera







Perasmian Projek MSI : PAKEJ PENANAMAN TEH VOLVARIELLA UNTUK PEMBENTUKAN IKS

Projek MSI 17110 iaitu Pakej Penanaman Teh *Volvariella* untuk Pembentukan IKS dilaksanakan oleh Nuklear Malaysia dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah peruntukan MOSTI Social Innovation (MSI). Objektif projek ini adalah memberi latihan penanaman cendawan *Volvariella* kepada pekebun kelapa sawit dan getah sebagai sumber pendapatan tambahan bagi menaik taraf sosio-ekonomi peserta. Selain itu, para peserta turut diberi latihan penghasilan produk hiliran berdasarkan cendawan *Volvariella* agar mereka dapat mempelbagaikan produk hasil pertanian golongan petani dan pekebun kecil

sebagai usaha bina upaya untuk meningkatkan sumber pendapatan dan menjadi usahawan IKS (Industri Kecil Sederhana).

Sempena Minggu Sains Negara peringkat Negeri Sembilan, Projek MSI 17110 telah dirasmikan dengan jayanya oleh YB. Datuk Seri Hasan Bin Malek, mantan ahli Parlimen kawasan Kuala Pilah pada 3 April 2018 di tapak projek Kampung Rembang Panas, Kuala Pilah. Majlis ini telah

dihadiri oleh seramai 150 orang termasuk YBhg. Datuk Dr. Mohd Ashhar Hj. Khalid, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, peserta projek, penduduk setempat dan para pegawai dari Nuklear Malaysia, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan MOSTI.

Perasmian projek ini membuktikan hasrat Nuklear Malaysia yang seiring dengan MOSTI untuk menyediakan pelbagai inisiatif bagi merakyatkan sains termasuklah program *MOSTI Social Innovation* (MSI). MSI merupakan satu program merakyatkan sains sehingga ke peringkat akar umbi.



Perasmian Projek Nuclear BFF



Nuklear Malaysia mengorak langkah baru dalam bidang jangkau luarnya dengan program *Nuclear Best Friend Forever* (*Nuclear BFF*) yang dilancarkan baru-baru ini. Program dengan kerjasama Yayasan Faqeh itu menerima liputan meluas dan merupakan antara program yang dinantikan oleh golongan masyarakat istimewa OKU.

Nuclear BFF merupakan salah satu projek di bawah geran MOSTI Social Innovation (MSI) 17111 yang memfokuskan penyampaian maklumat nuklear dan penyediaan aktiviti jangkau luar nuklear yang mesra dengan OKU. Projek ini dijangka akan memberi impak sosial kepada masyarakat golongan istimewa di seluruh negara dengan pelaksanaan menyeluruh di peringkat kebangsaan tidak lama lagi.

Majlis perasmian projek ini turut dihadiri oleh badan-badan NGO lain yang berkepentingan dalam menguruskan OKU serta pelajar sekolah di sekitar daerah Rembau. Sudut Sains bersama Nuklear Malaysia yang merangkumi pameran teknologi nuklear, demonstrasi kit nyahcemar radioaktif, simulasi setengah hayat, dan pembinaan lastik DIY adalah antara aktiviti yang disediakan bagi pengunjung istimewa ini. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Daing Muhamad Rahimi bin Abdul Hamid, Timbalan Pentadbir Tanah Daerah Rembau dan dihadiri Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Mohd Ashhar Hj Khalid dengan kehadiran melebihi 300 orang peserta serta pengunjung.





MELENTUR Buluh dari Rebungnya

Melentur buluh biarlah dari rebungnya adalah pepatah Melayu yang memberi inspirasi kepada Nuklear Malaysia dalam usaha merakyatkan sains. Justru itu, sempena Minggu Sains Negara, satu pertandingan mewarna telah diadakan pada 2 April 2018 baru-baru ini bertempat di Mydin Mall Seremban 2.

Penganjuran Pertandingan Mewarna bertemakan sains dan teknologi (S&T) ini adalah bertujuan untuk menggalakkan kanak-kanak menzahirkan kemahiran artistik dan kreativiti mereka melalui mewarna. Pada masa yang sama, Nuklear Malaysia juga ingin meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sains dan teknologi melalui pertandingan mewarna ini.

Pertandingan Mewarna ini telah disertai seramai 50 orang pelajar tadika dari beberapa buah tadika di sekitar Negeri Sembilan. Sebelum pertandingan dimulakan, kanak-kanak initurut berpeluang melakukan senaman ringan berdasarkan lagu kanak-kanak. Pertandingan ini telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kumpulan A (untuk kanak-kanak berusia empat tahun) dan Kumpulan B (lima tahun) dan Kumpulan C (enam dan tujuh tahun ke atas). Setiap pemenang menerima beg sekolah, hamper dan cenderahati kenang-kenangan daripada Nuklear Malaysia.





Majlis Penyerahan Anak Benih Nanas MD2

Majlis Penyerahan Anak Benih Nanas MD2 dan Bengkel Teknik Mikropropagasi Kultur Tisu Tanaman telah diadakan pada 06 April 2018 bertempat di SMK Taman Indah, Tampin, Negeri Sembilan. Majlis ini adalah program sokongan dan merupakan sebahagian daripada aktiviti Minggu Sains Negara peringkat Negeri Sembilan. Antara yang hadir termasuk YBhg. Datuk Mohd Isam B. Hj. Mohd Isa, Ahli Dewan Undangan Negeri Gemencheh YBrs. Tuan Hj. Hamzah bin Hj Abu, Pegawai Pendidikan Daerah Tampin, YBrs. Dr. Dahlan B. Hj. Mohd, Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia, warga pendidik berdekatan, para pelajar dan orang awam.

Dalam majlis ini juga, sebanyak 200 anak pokok Nanas MD2 yang dibiakkan dari teknik kultur tisu telah diserahkan kepada pihak guru dan AJK PIBG sekolah. Aktiviti selanjutnya diteruskan dengan taklimat aplikasi teknologi nuklear dalam pertanian kepada pelajar dan guru yang terlibat yang disampaikan oleh Pengurus Kumpulan Pembaikbakaan Tanaman, Bahagian Agroteknologi dan Biosains, Nuklear Malaysia, YBrs. Dr. Zaiton Ahmad. Taklimat selama 15 minit tersebut menekankan aplikasi teknologi nuklear dalam bidang pembaikbakaan tanaman secara khusus dan juga dalam bidang pertanian secara amnya. Seterusnya, demonstrasi kultur tisu telah disampaikan oleh Pn. Norazlina Noordin, Pegawai Penyelidik dari Kumpulan Pembaikbakaan Tanaman. Para pelajar telah diberi peluang untuk menjalankan *hands-on* kultur tisu dengan diselia oleh penyelidik agensi yang hadir. Pada akhir majlis, penyampaian sijil kepada guru dan pelajar yang terlibat telah diadakan dan disampaikan oleh Dr. Zaiton Ahmad.



DARI LENSA KAMERA

Minggu Sains Negara





Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)

PRODUK

1. Lateks Getah Tervulkan Dengan Sinaran
2. Kit Diagnostik Perubatan dan Radioisotop Perubatan
3. Sebatian Polimer untuk Industri Automotif
4. Variasi Baru Tanaman Hiasan dan Pokok Buah-Buahan

RUNDING CARA

1. Keselamatan & Kesihatan
2. Pemantauan Sinaran
3. Penilaian & Pencemaran Alam Sekitar
4. Jaminan Kualiti Mikrob
5. Pengurusan Sisa & Sumber Air
6. Reka Bentuk Loji & Kawalan Proses
7. Reka Bentuk Kejuruteraan dan Pembangunan
8. Penasihat Nuklear & Perancangan Dasar

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)
Bangi, 43000 KAJANG, Selangor Darul Ehsan

U/P: Ahmad Sahali Mardi
Pengarah,
Bahagian Pengkomersian Teknologi
Tel: 03-8911 2000 / 03-8925 2434 (DL)
Faks: 03-8925 2588

E-mail: sahali@nuclearmalaysia.gov.my
Website: www.nuclearmalaysia.gov.my

KHIDMAT

Penyelesaian kejuruteraan untuk keperluan R&D anda

1. Reka Bentuk dan Sistem Automasi
2. Fabrikasi Komponen Kejuruteraan
3. R&D Eksperimen Pelantar dan Radas

Pemantauan alam sekitar

1. NORM/TENORM
2. Pemantauan Sinaran Tidak Mengion (NIR)
3. Penilaian Impak Bahan Radiologi
4. Pengurusan Sumber Air
5. Pengurusan Sisa Pertanian, Industri dan Kediaman

Khidmat teknikal dan kejuruteraan

1. Pemeriksaan dan Ujian Bahan, Struktur dan Loji
2. Pemeriksaan Industri dan Kawalan Proses
3. Teknologi Pertanian
4. Teknologi Perubatan
5. Analisa dan Penilaian Bahan

Jamiman kualiti

1. Dosimetri Personel
2. Jaminan Kualiti Perubatan
3. Jaminan Kualiti Industri

Sterilisasi Bukan Kimia

1. Penyinaran Gamma
2. Penyinaran Elektron

Latihan

1. Keselamatan & Kesihatan Sinaran
2. Sinar X- Perubatan
3. Penilaian Tanpa Musnah
4. Instrumentasi dan Kejuruteraan
5. Keselamatan Persekitaran dan Kesihatan
6. Pengurusan Teknologi

WARTA NUKLEAR MALAYSIA



Agensi Nuklear Malaysia
Bangi, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan
www.nuclearmalaysia.gov.my



Nuklear Malaysia



NuklearMalaysia



nuclearmalaysia